

28/01/1998

Zainal Abidin terima syor Dr M

Mohd Shah Abdullah

KOTA BHARU, Selasa - Pemimpin Umno Kelantan menerima dengan terbuka saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya jawatan ketua Umno bahagian di negeri ini tidak dipertandingkan tetapi mahu mereka yang mengekalkan jawatan itu bersikap adil kepada semua pihak.

Menurutnya, selepas tiada pertandingan bagi jawatan ketua bahagian, pemimpin harus menunjukkan kepemimpinan yang baik, termasuk tidak mengamalkan sikap berpuak dan diskriminasi.

Ketua Penerangan Umno Kelantan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, berkata beliau menerima saranan Perdana Menteri itu demi kebaikan parti tetapi berharap semua pihak menilai kenyataan itu secara menyeluruh.

Katanya, pada masa yang sama banyak aspek lain yang harus diambil kira untuk menyatupadukan anggota parti sekali gus menjamin kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang.

"Sikap ketua bahagian yang mengamalkan dasar berpuak akan terus mengakibatkan perpecahan.

"Ini menyebabkan orang yang tidak bertanding berasa tersisih dan kecewa," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan semalam yang menegaskan semua jawatan ketua Umno bahagian tidak dipertandingkan dalam pemilihan di peringkat bahagian pada Mac ini.

Perdana Menteri berkata, rasional keputusan itu diambil untuk memastikan perpaduan Umno menghadapi cabaran Pas dalam pilihan raya umum akan datang.

Ramalan sebelum ini menyebut bakal berlaku pertandingan sengit membabitkan tokoh penting Umno Kelantan, termasuk Zainal Abidin sendiri dikatakan bakal mencabar Ketua Umno bahagian Peringkat, Datuk Annuar Musa.

Zainal Abidin berkata, berikutan pengumuman Dr Mahathir itu beliau akan memberi tumpuan terhadap kedudukannya sebagai Ketua Penerangan Umno Kelantan untuk membantu memperkukuhkan Umno menghadapi cabaran Pas.

"Jawatan politik saya di peringkat bahagian terpulang kepada pucuk pimpinan," katanya.

Sementara itu, Ketua Umno bahagian Pasir Puteh, Kamaruddin Mohd Nor berkata, kenyataan Perdana Menteri itu untuk menjaga perpaduan dan kestabilan parti daripada musnah dan hancur.

"Ini satu ujian kepada ahli untuk membuktikan kepentingan parti melebihi kepentingan individu," katanya.

Menurutnya, keputusan itu tidak mematikan semangat demokrasi dalam parti kerana hakikatnya Umno Kelantan baru saja membina kekuatan untuk menghadapi cabaran lebih besar.

(END)